


## Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- 1 a. Rajah di bawah ini berkaitan dengan tujuan perniagaan.



Jelaskan **X**?

[2 markah]

b.

Puan Masni ingin mengajak rakan baiknya Pn Azura untuk ,membuka sebuah perniagaan Butik Pakaian kerana rakan baiknya itu mempunyai kepakaran dalam bidang menjahit pakaian. Di samping itu rakannya juga dapat membantu mnyumbang modal untuk perniagaan tersebut.

i. Apakah bentuk milikan perniagaan yang sesuai ?

[1 markah]

ii. Nyatakan tiga kelebihan milikan perniagaan di (b) (i).

[3 markah]

c. Jelaskan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia pada era yang berikut :


i. Selepas merdeka.

[2 markah]

ii. 1990-an.

[2 markah]

- 2 a. Gambar menunjukkan satu trend perniagaan.



i. Apakah trend tersebut?

[1 markah]

ii. Nyatakan **dua** faktor dalaman perniagaan yang membawa kepada trend sedemikian.

[2 markah]

b. i. Persekitaran perniagaan dipengaruhi oleh dua faktor .  
Apakah faktor tersebut. [2 markah]

ii. Sumber manusia merupakan salah satu faktor yang membawa kepada perubahan persekitaran perniagaan. Jelaskan. [5 markah]

3 a. Apakah faktor yang dipertimbangkan dalam penetapan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan? [5 markah]

b. Senaraikan lima langkah-langkah pembangunan produk baharu. [5 markah]

4 a. Terangkan dua kemahiran kebolehkeraan yang diperlukan untuk menjayakan sesebuah perniagaan . [3 markah]

b. Encik Azali mempunyai pengalaman sebagai jurujual alat telekomunikasi. Beliau bercadang untuk berhenti kerja dan ingin memulakan perniagaan menjual dan membaiki alat komunikasi. Beliau telah mengupah beberapa orang pekerja untuk membantu dalam perniagaan. Antaranya Michelle merupakan seorang yang mahir dalam perakaunan. Samy berkemahiran dalam memperbaiki alat komunikasi dan Steve pula pakar dalam pengurusan sumber manusia.

Berdasarkan petikan di atas, lakarkan struktur organisasi yang sesuai dengan perniagaan tersebut. [3 markah]

c. Gambar di bawah merupakan sebuah mesin pengisar yang digunakan oleh kilang minyak.



i. Jelaskan tujuan mengurus sumber fizikal di atas. [2 markah]

ii. Apakah prosedur mengurus mesin yang boleh diambil oleh kilang tersebut ? [2 markah]

- 5 a. Terangkan dua jenis sumber pembiayaan perniagaan. 4 markah]
- b. Terangkan **dua** pihak yang berkepentingan kepada penyata kewangan . [3 markah ]
- c. Encik Puzee merupakan pemilim kepada Zeee Trading, yang menjalankan perniagaan di Slim River, Perak. Dia bercadang untuk membandingkan prestasi perniagaannya dengan perniagaan lain, iaitu Sean Trading. Setelah menganalisis prestasi kedua-dua perniagaan, maklumat berikut telah diperoleh:

<b>Nisbah</b>	<b>Zeee Trading</b>	<b>Sean Trading</b>
Peratusan untung tokokan	30%	25%
Peratusan marging untung bersih	25%	18%
Nisbah semasa	2 : 1	1.5 : 1
Pusing ganti stok	9 kali	5 kali

Prestasi perniagaan yang manakah lebih baik? Berikan penjelasan anda. [3 markah ]

- 6 a. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Hamidah.

Puan Hamidah tinggal di Taman Intan, satu kawasan perumahan yang baharu bersebelahan dengan universiti terkenal. Dia ingin memulakan perniagaan menjual bunga di taman tersebut.

Berdasarkan petikan di atas, terangkan ciri-ciri keperibadian usahawan yang ada pada Puan Hamidah. [5 markah ]

- b. (i) Nyatakan jenis-jenis dokumen yang perlu disimpan untuk tujuan rekod jualan? [2 markah ]
- (ii) Maklumat di bawah berkaitan dengan urus niaga- urus niaga Encik Abdullah yang menjual alatan dapur.

Encik Abdullah menjual 50 set pinggan mangkuk kepada Syarikat Guna pada harga RM6 500 secara kredit pada 1 Julai 2020.

Apakah dokumen yang terlibat dengan urus niaga tersebut? Jelaskan. [2 markah ]

- c. Apakah yang anda faham dengan pemasaran? Jelaskan. [1 markah ]

## BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 7 a. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan PharmaVc Pvt. Ltd.

PharmaVc Pvt. Ltd. , UK merupakan sebuah syarikat di United Kingdom. Syarikat ini berjaya mencipta teknologi baharu dalam penghasilan vitamin daripada buah kelapa sawit. Syarikat DeHerbs Behrang Sendirian Berhad ialah sebuah syarikat tempatan yang menghasilkan pelbagai vitamin menggunakan hasil herba tempatan. Kedua-dua syarikat bersetuju untuk memperbadankan satu syarikat baharu yang dikenali sebagai DePharma Sendirian Berhad dengan pejabat dan kilang di Kawasan Perindustrian Behrang 2020, Tg. Malim, Perak. Syarikat DeHerbs Behrang Sendirian Berhad mengeluarkan modal untuk membina kilang, menyediakan tenaga kerja dan mendapatkan bahan mentah. Sementara itu, PharmaVc Pvt. Ltd., UK akan menyumbangkan teknologi dan tenaga pakar dalam penyelidikan dan pembangunan. Untung rugi yang diperoleh oleh DePharma Sendirian Berhad akan dikongsi pada kadar nisbah 55:45 antara Syarikat DeHerbs Behrang Sendirian Berhad dan PharmaVc Pvt. Ltd., UK masing-masing.

Apakah bentuk usaha niaga berkenaan? Pada pendapat anda, apakah kelebihan usaha niaga berkenaan?

[7 markah]

- b. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan gaya pengurusan.

Syarikat Jubinz Sendirian Berhad merupakan pengeluar jubin kualiti tinggi berjenama Jubinz. Pejabat dan kilang syarikat terletak di Kawasan perindustrian Tasek, Ipoh. Encik Raymond merupakan pengurus besar syarikat. Beliau menyediakan jadual tugas untuk hampir semua pekerjaanya dan beliau memastikan pekerjaanya melakukan kerja mengikut jadual tersebut. Beliau sendiri akan memantau segala kerja yang dilakukan oleh setiap pekerja. Falsafah beliau ialah pihak pengurusan tahu segala-galanya dan pekerja tidak boleh diberikan kepercayaan terutama dalam hal-hal membuat keputusan. Encik Raymond mengambil tindakan disiplin yang tegas seperti memberi surat amaran kepada pekerja yang mempersoalkan kewibawaan pihak pengurusan. Malah, ada pekerja yang dibuang kerja kerana cuba memberi pendapat dan idea.

Jelaskan gaya pengurusan yang diamalkan Encik Raymond.

[8 markah]

- 8 a. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Nizam.

Encik Nizam ialah seorang pengusaha madu kelulut. Beliau kerap menghadiri kursus-kursus jangka pendek yang diadakan secara percuma oleh agensi kerajaan. Hal ini membantu beliau meningkatkan kebolehan membuat keputusan, kemahiran berkomunikasi dan membuat perancangan perniagaan yang lebih mantap. Untuk meningkatkan hasil madu kelulut, beliau telah membelanjakan wang yang banyak untuk memperkenalkan teknologi nano untuk meningkatkan hasil keluarannya. Penggunaan teknologi ini berjaya meningkatkan hasilnya sebanyak 20%. Syarikat beliau dengan kerjasama Persatuan Dermatologi juga sedang membuat kajian untuk mengeluarkan produk penjagaan kulit seperti pencuci muka, krim muka dan skrub muka yang berasaskan madu kelulut miliknya.

Terangkan **empat** ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Nizam. [7 markah]

- b. Nyatakan **empat** kepentingan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah organisasi perniagaan. [4 markah]
- c. Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang pengurus sumber manusia dapat meningkatkan tahap motivasi pekerjaanya. [4 markah]

- 9 a. Bagaimanakah faktor sumber manusia, kewangan dan teknologi membantu Proton Holdings Berhad mampu berdaya saing sehingga kini? [8 markah]

- b. Maklumat di bawah ini diperolehi daripada dua buah syarikat dalam industri yang sama.

Butiran	Syarikat OPQ Bhd (RM)	Syarikat TUV Bhd (RM)
Tunai	1 000	1 500
Penghutang	500	400
Stok	100	100
Pemiutang	2 000	1 500

i. Hitung nisbah semasa bagi kedua-dua syarikat tersebut. [4 markah]

ii. Sekiranya anda ingin melabur wang anda, syarikat manakah yang anda akan pilih? [3 markah]

### Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab.

#### NASI ARAB QSYA – ANTARA CABARAN DAN HARAPAN

Perniagaan menjual makanan menjadi satu fenomena yang sedang berkembang dengan pesat mutakhir ini. Negeri Perak tidak terkecuali turut dilanda dengan fenomena ini. Antara perniagaan makanan yang sedang mencipta nama dan menjadi viral di negeri ini ialah “Perniagaan Nasi Arab Qsya”. Perniagaan ini telah beroperasi lebih 10 tahun dahulu dan telah berjaya bertapak dengan kukuh di negeri ini.

Puan Qsya telah membuka lima cawangan Nasi Arab Qsya di seluruh negeri Perak dan bercadang membuka cawangan lain di seluruh Malaysia, tetapi beliau sentiasa memikirkan kaedah dan cara yang sesuai bagi mengekalkan kepuasan dan citarasa pelanggan. Ini kerana terdapat beberapa peniaga yang ingin turut serta menjalankan perniagaan sama seperti perniagaannya. Menu yang telah dihasilkan diharapkan tetap sama dan tidak berlaku sebarang masalah juga aduan yang boleh menjejaskan jenama Nasi Arab Qsya jika peniaga lain juga turut terlibat. Dalam usaha ini, beliau telah membuat pendaftaran cap dagangan dan turut memiliki hak eksklusif dengan perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sejak tiga tahun yang lalu. Baru-baru ini Puan Qsya ingin membuat perbandingan bagi dua tahun ke belakang perniagaannya. Berikut merupakan maklumat kewangan perniagaan Nasi Arab Qsya bagi tahun 20X8 dan 20X9.

#### Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember ...

	20X8		20X9	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Jualan		250000		330000
Tolak : Kos Jualan				
Stok Awal	60000		45000	
Tambah : Belian	<u>185000</u>		<u>250000</u>	
	245000		2950000	
Tolak : Stok Akhir	<u>45000</u>		<u>55000</u>	
Kos Jualan		<u>200000</u>		<u>240000</u>
Untung Kasar		50000		90000
Tambah : Hasil		<u>18000</u>		<u>22000</u>
		68000		112000
Tolak : Belanja		<u>38000</u>		64000
Untung Bersih		<u>30000</u>		<u>48000</u>

Dalam usaha memperkembangkan perniagaannya ke seluruh Malaysia, Puan Qsya telah melantik tiga orang pengurus yang akan bertanggung jawab membantu beliau, iaitu pengurus pemasaran, pengurus sumber manusia dan pengurus kewangan. Tiga orang pengurus tersebut juga diharapkan dapat melancarkan aktiviti perniagaan Puan Qsya tanpa sebarang masalah, demi kepentingan perniagaan Nasi Arab Qsya pada masa hadapan, ini penting bagi memastikan jenama Nasi Arab Qsya terus utuh di pasaran sama ada di negeri Perak atau di seluruh Malaysia.

Di samping itu, Puan Qsya juga bercadang untuk memperbesar lagi perniagaannya di bidang lain dan sedang mempertimbangkan untuk melabur sejumlah wang ke dalam Perniagaan Aaira yang dimiliki oleh rakan karibnya yang telah membuka perniagaan Agro Farm di Turki. Beliau sedang meneliti Penyata Pendapatan dan Penyata Kewangan Perniagaan Aaira. Dalam satu mesyuarat bersama dengan pekerja-pekerjanya, pengurus kewangan iaitu Encik Luqman telah mengingatkan Puan Qsya supaya membuat perbandingan analisis nisbah keberuntungan terhadap pelaburan yang ingin dibuat dengan perniagaan yang lain dalam industri yang sama supaya Puan Qsya tidak salah membuat pertimbangan.

10 Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- a. i. Apakah kelebihan yang akan dinikmati oleh Puan Qsya sebagai pemilik perniagaan sekiranya beliau bercadang mengembangkan perniagaan beliau dengan menggunakan bentuk milikan francais. [5 markah]
- ii. Nyatakan **tiga** ciri-ciri francais mengikut Akta Francais 1998? [3 markah]
- b. Sebagai pengurus bahagian kewangan, anda dikehendaki membantu Puan Qsya untuk menghitung dan mentafsir nisbah keberuntungan bagi tahun 20X8 dan 20X9.
  - i. peratus margin untung kasar [3 markah]
  - ii. peratus untung bersih [3 markah]
- c. i. Jelaskan **dua** analisis nisbah keberuntungan yang perlu diteliti oleh Puan Qsya apabila ingin membuat pelaburan ke atas perniagaan rakannya. [2 markah]
- ii. Mengapakah Puan Qsya perlu membuat perbandingan analisis nisbah berkenaan dengan perniagaan lain dalam industri yang sama. [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**